

# PM terima kunjungan hormat pertama Prabowo

BERITA HARIAN 05 APR 2024 m/s: 3

Lawatan Presiden Terpilih Indonesia pereratkan lagi hubungan dua negara

**Putrajaya:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menerima kunjungan hormat Presiden Terpilih Indonesia merangkap Menteri Pertahanan, Prabowo Subianto.

Prabowo tiba di Perdana Putra pada jam 9 pagi. Kunjungan hormat itu adalah sebahagian daripada rangka lawatan khas sehari beliau ke Malaysia.

Ini adalah lawatan pertama beliau ke negara ini selepas diumumkan sebagai pemenang rasmi Pemilihan Presiden Indonesia bagi penggal 2024-2029.

“Momen ini kami gunakan untuk berkongsi pengalaman dan bertukar pendapat mengenai karier masing-masing dan hala tuju seterusnya dalam merapatkan lagi hubungan Malaysia-Indonesia,” kata Anwar dalam kenyataan, semalam.

Anwar berkata, perjalanan karier politik beliau dan Prabowo hampir sama apabila diuji dengan pelbagai cabaran sebelum dilantik, juga menjadi topik perbincangan santai dalam pertemuan itu.

Selain itu, katanya pada pertemuan itu kedua-duanya berkongsi kisah Prabowo ketika beliau melanjutkan pelajaran dan pendidikan menengah di Victoria Institution (VI) Kuala Lumpur.

“Saya sempat titipkan tahniah dan selamat maju jaya kepada Prabowo yang bakal dilantik sebagai Presiden Indonesia Kelapan.

“Semoga hubungan persahaba-



Anwar menerima kunjungan Prabowo yang dalam rangka lawatan khas selama sehari ke Malaysia. Turut kelihatan, Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan (kanan). (Foto BERNAMA)

tan Malaysia-Indonesia terus erat dan diperkukuh demi kebaikan bersama pada masa hadapan,” katanya.

Kelmarin, pesawat khas membawa Prabowo bersama delegasi selamat mendarat di Pangkalan Udara Subang pada jam 10.15 malam dengan disambut Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

## Komited kukuh kerjasama

Sementara itu, pada pertemuan bersama Mohamed Khaled di Kementerian Pertahanan (MINDEF), Malaysia dan Indonesia masing-masing menyatakan komitmen untuk terus mengukuhkan kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara.

Mohamed Khaled melalui kenyataan dikeluarkan MINDEF menyatakan keyakinannya terhadap pengalaman luas dan ini-

siatif dibawa Prabowo, terutama dalam bidang pertahanan yang akan memberi kesan positif terhadap kestabilan dan keselamatan serantau.

“Kedua-dua Menteri yakin bahawa kerjasama yang kukuh akan memastikan pelaksanaan aktiviti sedia ada dan akan datang dapat terus dilaksanakan, seterusnya membawa hubungan pertahanan negara Malaysia dan Indonesia ke tahap yang lebih tinggi,” katanya.

Pertemuan berlangsung hampir sejam itu julung kali diadakan antara mereka sejak Mohamed Khaled menjawat jawatan sebagai Menteri Pertahanan pada Disember tahun lalu.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertahanan, Adly Zahary; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohamad Ab Rahman; Panglima Tentera Darat, Je-

neneral Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan; Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Mohd Asghar Khan Goriman Khan dan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Rahman Ayob.

Kementerian Pertahanan memaklumkan Mohamed Khaled turut mengucapkan tahniah kepada Prabowo yang dipilih sebagai Presiden Indonesia baharu berdasarkan keputusan rasmi Pemilihan Umum Indonesia 2024 baru-baru ini. BERNAMA